

Sains untuk generasi muda

KURSUS Bakti Siswa, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini menganjurkan program *Science For Youth 2017* bagi menyemai minat pelajar sekolah terhadap bidang sains melalui pendedahan mengenai teori sains serta aplikasinya dalam kehidupan seharian.

Program di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim (SMSAH), Jitra, Kedah itu dilaksanakan oleh kumpulan 55 pelajar terdiri daripada 33 orang mahasiswa Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengkhususan Kimia yang berperanan sebagai penggerak dan fasilitator program.

Program yang disertai 120 orang pelajar Tingkatan 1 SMSAH itu dikendalikan bawah seliaan **Dr. Norizah Abd Rahman**, dengan kerjasama Fakulti Sains UPM dan Alumni SMSAH.

Demonstrasi sains berkaitan dengan topik sains tulen Tingkatan 4 juga dilaksanakan bagi memberi peluang kepada pelajar menjalankan eksperimen ringkas supaya mereka dapat melakukan praktikal dan tidak hanya belajar berdasarkan teori sahaja.

Melalui program itu mahasiswa dapat meningkatkan kemahiran insaniah seperti etika moral, kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, keusahawanan dan kerja berpasukan, manakala



Jika dahulu, saya sering menggunakan konsep hafalan semata-mata untuk semua subjek, akan tetapi sebenarnya terdapat pelbagai jenis konsep baharu seperti untuk mendarab matematik dengan cepat, menyelesaikan masalah sains dengan menganalisis segala kemungkinan yang berlaku dan sebagainya."

fasilitator memperoleh pengalaman berkhidmat untuk masyarakat luar.

Dr. Norizah berkata, minat terhadap sains dan matematik harus ditingkatkan dalam diri pelajar bagi menempuhi zaman moden berteknologi tinggi.

Pelajar SMSAH, **Mohd Zulhilmi Azhar** berkata, beliau gembira kerana terpilih sebagai peserta program kerana banyak ilmu

baharu yang diperoleh daripada program itu.

"Jika dahulu, saya sering menggunakan konsep hafalan semata-mata untuk semua subjek, akan tetapi sebenarnya terdapat pelbagai jenis konsep baharu seperti untuk mendarab matematik dengan cepat, menyelesaikan masalah sains dengan menganalisis segala kemungkinan yang berlaku dan sebagainya," katanya.

Seorang fasilitator program, **Nur Syahirah Razali** bersyukur kerana melalui program itu, dia dapat membimbing pelajar sekolah berkaitan ilmu sains.

Adalah penting untuk pelajar mengetahui dan menguasai ilmu sains sejak dari Tingkatan Satu lag, katanya.

Seorang lagi fasilitator, program, **Mohd. Eizlan Shah Mohd. Faizal** pula berkata, menerusi program itu, dia dapat berkongsi ilmu serta membantu pelajar Tingkatan 1 menyesuaikan diri di asrama dan sekolah kerana ia merupakan pengalaman pertama pelajar itu berjauhan dengan keluarga.

Guru Penolong Kanan 1 SMSAH, **Mansor Abdul** pula berkata, program seperti itu diharap dapat dijalankan lagi pada masa akan datang kerana banyak impak positif yang diperoleh oleh pelajar dalam bidang pelajaran serta kehidupan. - UPM

PELAJAR-PELAJAR SMSAH bergambar bersama-sama mahasiswa Kursus Bakti Siswa UPM di sekolah itu di Jitra, Kedah baru-baru ini.

